



**PEKELILING  
SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT  
BIL.1 TAHUN 2017**

---

**KADAR KHAS BAGI PERKHIDMATAN BAS EKSPRES PADA MUSIM  
PERAYAAN TAHUN BARU CINA 2017**

**TARIKH: 18 JANUARI 2017**

## **1. TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pengendali berlesen kenderaan perkhidmatan awam kelas lesen bas ekspres (“pengendali berlesen”) mengenai kebenaran mengenakan kadar khas bagi perkhidmatan bas ekspres pada musim perayaan Tahun Baru Cina 2017.


## **2. KADAR KHAS BAGI PERKHIDMATAN BAS EKSPRES**

- 2.1. Sempena musim perayaan Tahun Baru Cina 2017, pengendali berlesen dibenarkan untuk mengenakan kadar tambahan sebanyak RM0.009 setiap kilometer ke atas tambang sedia ada kepada penumpang, menjadikan kadar khas sebanyak 10.2 sen (RM0.102) bagi setiap kilometer.
- 2.2. Kebenaran untuk menggunakan kadar khas ini bermula pada 26 Januari 2017 sehingga 5 Februari 2017.

## **3. TARIKH KUATKUASA PEKELILING**

Arahan Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 18 Januari 2017.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**MOHD AZHARUDDIN BIN MAT SAH**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat